

## KELEBIHAN ZULHIJJAH DAN IBADAH KORBAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ  
اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat keredaaan Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taaala*

Beberapa hari lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Zulhijjah yang mempunyai keistimewaan beramal di dalamnya. Kelebihan melakukan amal soleh pada hari-hari yang mulia ini dijanjikan oleh Allah Subhanahu wa Taaala melalui firman-Nya dalam surah al-Fajr ayat 1 dan 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْفَجْرِ ۝  
وَلِيَالِ عَشْرِ ۝

Yang bermaksud: *Demi waktu fajar dan demi malam-malam yang sepuluh.*

Ulama tafsir menyebutkan bahawa sepuluh malam istimewa yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah sepuluh hari terawal Zulhijjah. Kelebihan beramal pada awal bulan Zulhijjah ini juga diperkuatkan lagi dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهِنَّ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ

Yang bermaksud: *Tidak ada hari yang amal soleh padanya lebih dikasihi Allah selain dari hari-hari yang sepuluh ini.*”

Selanjutnya al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqolani menjelaskan bahawa sebab keutamaan 10 hari pertama Zulhijjah ialah kerana pada hari-hari tersebut terkumpul ibadat-ibadat utama yang digalakkan kita untuk melakukannya seperti solat, puasa, sedekah dan haji yang kesemuanya itu tidak terdapat secara serentak pada bulan-bulan lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taaala

Mengerjakan ibadah haji yang merupakan rukun Islam yang kelima juga diperintahkan pada bulan Zulhijjah ini. Kelebihan melaksanakan ibadah haji dinyatakan dalam sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

...وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ.

Yang bermaksud: *...Dan haji yang mabrur tiada balasan baginya melainkan syurga*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taaala

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggalakan kita agar memperbanyakkan *tahlil*, *tahmid* dan *takbir* pada hari-hari tersebut sepertimana sabda Baginda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ، وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنَ الْعَمَلِ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَأَكْثَرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ

Yang bermaksud: *“Tidak ada hari yang paling agung dan amat dicintai oleh Allah untuk beramal padanya selain daripada sepuluh hari (Zulhijjah) ini. Maka perbanyaklah pada waktu itu tahlil, takbir dan tahmid”*.

Bagi umat Islam yang tidak mengerjakan ibadah haji pula mereka digalakkan agar melakukan ibadah puasa pada hari Arafah iaitu pada 9 Zulhijjah ketika umat Islam sedang melakukan ibadah wukuf di Arafah. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Yang bermaksud: *“Puasa pada hari Arafah, aku mengharap Allah menghapuskan kesalahan setahun yang lalu dan setahun yang akan datang.”*

Antara ibadah yang digalakkan juga untuk dilakukan pada 10,11,12 dan 13 Zulhijjah ini ialah menyembelih haiwan korban. Kelebihan melakukan ibadah korban dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan Ibnu Majah yang bermaksud: *“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh manusia pada hari raya korban yang lebih disukai oleh Allah daripada mengalirkan darah (yakni menyembelih korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat nanti dengan tanduk-tanduknya, kuku-kuku dan bulu-bulunya (dan diletakkan di atas timbangan). Dan sesungguhnya darah binatang korban itu mendapat kedudukan di sisi Allah di suatu tempat yang tinggi sebelum ia jatuh di atas bumi. Oleh itu, ikhlaskanlah hati kamu ketika berkorban itu”*.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taaala

Melalui mimbar khutbah pada hari ini bolehlah kita simpulkan bahawa sebagai seorang hamba, kita diperintahkan untuk mengorbankan sesuatu dalam kehidupan kita demi membuktikan ketaatan kita kepada Yang Maha Esa. Korbankanlah sedikit masa rehat kita untuk beribadah, korbankanlah sedikit wang ringgit kita untuk bersedekah dan korbankan sedikit perbelanjaan kita untuk melaksanakan ibadah korban. Dan korbankanlah keinginan hawa nafsu kita dengan mengerjakan segala perintah Allah Subhanahu wa Taaala dan meninggalkan larangan-Nya. □

□

Marilah kita bersama-sama merenung firman Allah Subhanahu wa Taaala dalam surah al-kautsar : □

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) sebuah telaga di syurga. Maka, dirikanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang membencimu, dialah yang terputus (daripada rahmat dan kebaikan).*

طَبَقَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.